



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU**

MPP 3

SPM 2023

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

BAHAGIAN A : KARANGAN RESPONS TERTUTUP / TERHAD
[30 markah]

BAHAGIAN A
[30 markah]

Contoh format penulisan komen :

- T** : menepati tugas
- I** : relevan, huraian jelas
- B** : gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P** : menarik dan berkesan

Maklumat di bawah berkaitan dengan semangat patriotik.

Huraikan pendapat anda tentang semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

1. Kehendak / tugas soalan:

- i. Calon perlu menghuraikan langkah / usaha / meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah :
Gambar 1 – Definisi semangat patriotik
Gambar 2 – Kibarkan Jalur Gemilang tanda cinta akan negara
Gambar 3 – Patriotisme : melentur buluh biarlah daripada rebung (suntik semangat patriotik di sekolah
- ii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan usaha meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vi. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**

KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	KRITERIA
<p>Cemerlang</p> <p>26-30 (28-30) (26-27)</p>	<p>Tema / Tugas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian jelas dan matang. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai. <p>*Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</p>
<p>Kepujian</p> <p>20-25 (23-25) (20-22)</p>	<p>Tema / Tugas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian jelas <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata luas • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai.

<p>Memuaskan</p> <p>15-19</p> <p>(17-19)</p> <p>(15-16)</p>	<p>Tema / Tugas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian masih jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas / terhad • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Ejaan masih betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. • Wacana masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai
<p>Penguasaan Minimum</p> <p>10-14</p> <p>(12-14)</p> <p>(10-11)</p>	<p>Tema / Tugas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian kurang jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan tatabahasa yang ketara. • Penggunaan kosa kata terhad • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. • Ejaan masih betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan kurang menarik • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. • Wacana kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.
<p>Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum</p> <p>01-09</p> <p>(06-09)</p> <p>(01-05)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

BAHAGIAN B
[70 markah]

1. Contoh format penulisan komen :

- T : menjawab tugas**
- I : relevan, huraian jelas**
- B : gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat**
- P : menarik dan berkesan**

Soalan 1

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan punca-punca tersebut.

Kehendak / tugas soalan

Calon dikehendaki membincangkan punca-punca masalah mental dalam kalangan murid.

1. Tekanan akademik
2. Penggunaan media sosial yang tidak terkawal
3. Masalah keluarga juga merupakan punca masalah kesihatan mental.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan – **maksimum KEPUJIAN**
2. Calon menghuraikan selain idea dalam petikan - **maksimum BAIK**

Soalan 2

Huraikan usaha yang terdapat dalam petikan serta usaha-usaha lain untuk membendung masalah tersebut.

Kehendak / tugasan soalan:

Calon dikehendaki mengemukakan usaha-usaha untuk membendung alam sekitar .

Cadangan idea :

1. Kerajaan melakukan penguatkuasaan undang-undang yang tegas (Isi daripada stimulus)

- Kerajaan perlu menggariskan dan mengaplikasikan undang-undang tegas kepada mereka yang terlibat dalam pencemaran alam sekitar.

2. Penggunaan kenderaan secara bijaksana .

- sentiasa memastikan kenderaan mereka berada dalam keadaan yang baik dan tidak mengeluarkan asap hitam yang berlebihan.
- Masyarakat mengamalkan sikap berkongsi kereta apabila ke tempat kerja.
- Penggunaan kenderaan menggunakan tenaga elektrik juga boleh mengurangkan pencemaran udara

3. Masyarakat menguruskan sampah dengan betul.

- Boleh mengamalkan kitar semula untuk menguruskan sampah secara efisien.
- Tidak melakukan pembakaran terbuka.

4. Kerjasama masyarakat dan pihak kerajaan untuk menghijaukan kawasan.

- Penanaman pokok seperti pokok buah-buahan di persekitaran taman perumahan dapat mengurangkan kesan pencemaran udara terutama masalah peningkatan suhu.

5. Media massa menyiarkan program kesedaran kepentingan penjagaan alam sekitar/ kempen kesedaran.

- Masyarakat diberikan pendedahan tentang kepentingan dan cara penjagaan alam sekitar secara menyeluruh dan konsisten.

6. Kerajaan menggalakkan penggunaan petrol tanpa plumbum.

- Penggunaan petrol tanpa plumbum dapat mengurangkan kandungan plumbum dalam pelepasan asap kenderaan. Langkah ini dapat mengurangkan masalah jerebu yang sering berlaku pada waktu pagi dan juga dapat mengelakkan masalah kesihatan seperti batuk dan selesema daripada berlarutan.

Kemungkinan :

1. Calon tidak mengemukakan idea daripada bahan sebaliknya mengemukakan kesemua idea luar. Maksimum Peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon mengemukakan aspek lain pencemaran alam sekitar (faktor atau kesan) Maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

Soalan 3

Berdasarkan petikan, bincangkan kesan-kesan tersebut.

Kehendak / tugasan soalan:

Calon diharapkan dapat membincangkan kesan-kesan buli kepada mangsa buli.

Cadangan idea :

1. Mangsa buli fizikal boleh mengalami kecederaan serius sehingga dewasa
2. Mangsa buli berisiko tinggi mengalami gangguan psikologi semasa dewasa termasuk kemurungan dan kebimbangan.
3. Buli boleh menyebabkan kanak-kanak berasa terasing dan tidak selamat dalam persekitaran sosial / tidak suka berkawan / lebih suka bersendirian.
4. Menjejaskan pencapaian akademik
5. Menjatuhkan maruah seseorang

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan kesan kepada mangsa buli dan pembuli – semak seperti biasa

Soalan 4

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, bincangkan tindakan pelbagai pihak untuk menarik golongan muda untuk bekerja dalam bidang tersebut.

Kehendak / tugas soalannya:

Calon diharapkan dapat membincangkan tindakan pelbagai pihak untuk menarik minat golongan muda menceburkan diri dalam bidang pertanian.

1. Ibu bapa melatih atau memberikan pendedahan awal kepada anak-anak sejak kecil tentang ilmu pertanian.
2. Pihak kerajaan memperluas inovasi dan penggunaan teknologi baharu bagi memperkasa serta meningkatkan produktiviti sektor pertanian.
3. Pihak sekolah menubuhkan kelab Pertanian di sekolah melalui aktiviti kokurikulum.
4. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengubah persepsi remaja tentang bidang pertanian melalui kempen
5. Kerajaan menyediakan peluang pengajian dan pekerjaan yang luas dalam bidang pertanian.
6. Pihak bank memudahkan urusan pinjaman
7. FAMA membantu pemasaran hasil / produk pertanian

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan tindakan / usaha **satu pihak sahaja** – maksimum **KEPUJIAN**
2. Calon **tidak menyatakan pihak** – maksimum **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan tindakan secara umum tanpa mengaitkan dengan golongan muda - Maksimum **KEPUJIAN**

- Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan B) – maksimum peringkat - **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- Bahagian B :
 - Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat **BAIK**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan :

1. Puisi	2. Nama Khas	3. Penanda wacana	4. Angka
5. Alamat	6. Peribahasa	7. Tajuk (rencana/ surat)	8. Tarikh
9. Kata Sendi 'di' dan 'ke'		10. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh	

BAHAGIAN B : KARANGAN RESPONS TERBUKA
[70 Markah]
KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN B

PERINGKAT	KRITERIA
<p>CEMERLANG</p> <p>64 – 70</p> <p>(68 – 70)</p> <p>(64 – 67)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. <p>Laras bahasa sesuai mengikut tugas</p>
<p>KEPUJIAN</p> <p>55 – 63</p> <p>(59 – 63)</p> <p>(55 – 58)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas

<p>BAIK 45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menjawab tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik • Pemerenggan masih sesuai. <ul style="list-style-type: none"> • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas
<p>MEMUASKAN 35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih/ kurang menjawab tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ayat kurang gramatis • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan kurang menarik • Pemerenggan kurang sesuai. <p>Wacana masih / kurang lengkap.</p>

<p>PENGUASAAN MINIMUM</p> <p>21 – 34</p> <p>(28 – 34)</p> <p>(21 – 27)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menjawab tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan / bercampur aduk. • Huraian tidak jelas / tidak berkembang. • Contoh tidak sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan tidak menarik • Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
<p>TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM</p> <p>1 – 20</p> <p>(11 – 20)</p> <p>(01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami • Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menaraik. • Pemeranggan tidak sesuai dan tidak seimbang. • Wacana tidak engkap.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT -